

Wakil oleh YB Dato' Seri Rafidah Aziz – MITI

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM "KERANAMU" ANJURAN YAYASAN
PELABURAN BUMIPUTERA DI PALACE OF THE GOLDEN HORSES
4 FEBRUARI 2004

YABHG. TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN
YABHG. TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI,

YBHG. TAN SRI DR AHMAD SARJI ABDUL HAMID,
PENGERUSI PNB,
DAN YBHG. PUAN SRI DATIN SERI SAGIYAH SALIKIN,

YANG BERTHORMAT DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MERANGKAP AHLI
LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA,

YABHG. JENERAL BERSARA TUN IBRAHIM ISMAIL
AHLI LEMBAGA PENGARAH PNB,

YANG BERBAHAGIA DATUK HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN,
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PNB,
LEMBAGA PENGARAH, PENGERUSI DAN KETUA EKSEKUTIF
SYARIKAT-SYARIKAT KUMPULAN PNB,

DIF-DIF KEHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

ASSALAMULAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA, DAPAT KITA BERSAMA PADA MALAM INI DI MAJLIS MAKAN MALAM "KERANAMU". MAJLIS INI DIADAKAN KHAS UNTUK MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR.

2. SEBELUM SAYA MENERUSKAN UCAPAN, BAGI PIHAK YPB, TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN ATAS KESUDIAN MENGHADIRI MAJLIS INI. KAMI TURUT BERBESAR HATI KERANA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. SITI HASMAH TURUT SUDI MELAPANGKAN MASA UNTUK BERSAMA-SAMA PADA MALAM INI.

3. YPB ADALAH ANTARA MEKANISME DASAR EKONOMI BARU, YANG MEMAIN PERANAN UTAMA UNTUK MENCORAK PERALIHAN SENARIO PEMBANGUNAN NEGARA

DAN EKONOMI MASYARAKAT MALAYSIA. BERTERASKAN MATLAMAT PENYUSUNAN SEMULA SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT, YPB MENERUSI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) MEMACU USAHA UNTUK MERAPATKAN JURANG PERBEZAAN EKONOMI PELBAGAI KAUM MELALUI PENINGKATAN EKUITI RAKYAT DALAM SEKTOR-SEKTOR UTAMA. DI SAMPING ITU, USAHA JUGA DITERUSKAN UNTUK PENGAGIHAN KEKAYAAN MELALUI PENGGEMBLENGAN MODAL BERHEMAT DALAM UNIT-UNIT AMANAH YANG DIURUSKAN OLEH PNB.

4. DI BAWAH KEPIMPINAN YANG AMAT BERBAHAGIA TUN, KERAJAAN SENTIASA MENEKANKAN KEPADA SUASANA MESRA PERNIAGAAN DAN INI TERNYATA, BERJAYA MENGEMBANGKAN PEMBANGUNAN SEKTOR SWASTA. PNB JUGA TELAH BERKEMBANG DENGAN PESAT SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA. SEJAK IA DITUBUHKAN PADA 17 MAC 1978, PNB KINI BERJAYA MENGGEMBLING RM42 BILION MENERUSI 8 JUTA PEMEGANG AKAUNNYA DAN DENGAN DANA MILIK PNB, IA KINI MENGURUS LEBIH RM60 BILLION UNTUK PELBAGAI PELABURANNYA BAGI LEBIH DARIPADA 300 SYARIKAT-SYARIKAT PELABURAN PNB DI MALAYSIA.

5. BERKAT KEPIMPINAN YANG AMAT BERBAHAGIA TUN JUGA MEMBERI PELUANG, BUKAN SAHAJA KEPADA MEREKA YANG BERKEMAMPUAN TETAPI JUGA KEPADA GOLONGAN MISKIN UNTUK MENYERTAI TABUNG-TABUNG AMANAH SEPERTI YANG DIURUSKAN PNB. BILANGAN MELAYU YANG MENYERTAI TABUNG-TABUNG UNIT AMANAH TURUT MENCATATKAN PENINGKATAN YANG MENGGALAKKAN. BEGITU JUGA DENGAN KAUM BUKAN BUMIPUTERA, YANG MENUNJUKKAN KEYAKINAN TINGGI TERHADAP KEMAMPUAN PENGURUSAN PROFESIONAL BUMIPUTERA MENGURUSKAN PELABURAN MEREKA.

6. MALAH USAHA DAN KEJAYAAN PENUBUHAN YPB SERTA PENGGEMBLENGAN MODAL RAKYAT MELALUI PENGURUS TABUNG-TABUNG UNIT AMANAH SEPERTI PNB DIKAGUMI MASYARAKAT ANTARABANGSA KHUSUSNYA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN. MEREKA INGIN MENGGUNA PAKAI STRUKTUR INI DI NEGARA MEREKA KERANA PERCAYA YANG IA DAPAT MEMBANGUNKAN EKONOMI RAKYAT DAN NEGARANYA. INILAH PENGIKTIRAFAN PALING BERMAKNA KERANA FORMULA YANG DIPERKENALKAN YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DIPERAKUI KEBERKESANANNYA DI ARENA ANTARABANGSA.

7. SESUNGGUHNYA, SEMUA INI TIDAK AKAN BERHASIL TANPA WUJUDNYA KEHARMONIAN, PERPADUAN SERTA KERJASAMA ERAT ANTARA RAKYAT BERBILANG BANGSA. INILAH TERAS UTAMA YANG TELAH DICIPTA OLEH YANG AMAT BERBAHAGIA TUN UNTUK MENGIMBANGI TUMPUAN DAN PEMBABITAN EKONOMI ANTARA KAUM. KEHARMONIAN INI TELAH MERANGSANG BUKAN SAHAJA KESTABILAN POLITIK MALAH TERUS MEMACU PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

8. SAYA SENTIASA BERBANGGA KERANA DAPAT BERKHIDMAT DI BAWAH PEMIMPIN YANG TERKENAL DENGAN KETEGASAN, DISIPLIN DAN WAWASANNYA. MESKIPUN, BELIAU TIDAK BEGITU SELESA DENGAN PUJIAN-PUJIAN BEGINI, NAMUN PADA MALAM INI, YANG AMAT BERHORMAT TUN, IZINKAN KAMI UNTUK MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN ATAS SEGALA JASA DAN SUMBANGAN YANG TELAH YANG AMAT BERHORMAT TUN BERIKAN KEPADA YPB DAN KUMPULAN PNB.

9. SEWAKTU YANG AMAT BERBAHAGIA TUN MAHATHIR MENJADI PENERUS YPB, BELIAU TELAH MELETAKKAN KEPERCAYAAN PENUH KEPADA PENGURUSAN PNB. UNTUK ITU, PNB HENDAKLAH MENGEKALKAN INTEGRITI DAN KECEKAPANNYA SEBAGAI ORGANISASI YANG MENGURUSKAN PELABURAN. SAYA JUGA BERHARAP MISI YPB AKAN TERUS DIHAYATI OLEH SEMUA PIHAK, TERUTAMANYA PENGURUSAN KANAN PNB DAN SYARIKAT-SYARIKAT KUMPULAN PNB. SEBAGAI PENERUS BARU, SAYA AKAN BERUSAHA UNTUK TERUS MEMASTIKAN PNB MENDAPAT SOKONGAN DAN KEPERCAYAAN PELABURNYA.

10. BAGI PIHAK LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YPB, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERHORMAT TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, ATAS SEGALA JASA BAKTI, BIMBINGAN, DAN PENGORBANAN YANG TIDAK TERNILAI HARGANYA. PENGHARGAAN YANG SAMA JUGA INGIN KAMI SAMPAIKAN KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. SITI HASMAH, WANITA CEKAL YANG BERPERANAN DI SEBALIK KEJAYAAN YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR. KAMI BERDOA AGAR YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR, TUN DR. SITI HASMAH SERTA KELUARGA MEREKA AKAN TERUS DILIMPAHKAN RAHMAT DAN BERKAT OLEH ALLAH S.W.T.

TERIMA KASIH.